



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KOMUNITI
MAMPAN 2020

TARIKH / MASA / TEMPAT

04 JULAI 2020 (SABTU)
2.00 PETANG

LOBI MENARA MBSP
BANDAR PERDA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Lee Teong Li

Pengurus Kumpulan

Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd.

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Kakitangan-Kakitangan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Wakil-Wakil Komuniti Yang Mengambil Bahagian

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul dalam Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2020 di Ruang Lobi, Menara MBSP, anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai kepada Yang Berbahagia Dato' Lee Teong Li, Pengurus Kumpulan, Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd. di atas kesudian menjadi penaja Program Anugerah Komuniti Mampan 2020. Ini merupakan kali ketiga pihak Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. menaja program ini.

Kerjasama MBSP dengan Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. telah terjalin sejak tahun 2016 lagi dan ianya merupakan satu kerjasama strategik menggunakan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Melalui pendekatan ini, jalinan kerjasama secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar

dan bumi kita serta memberi manfaat kepada rakyat dan menyumbang kepada pembangunan di Seberang Perai.

Sebagai makluman, Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. amat prihatin terhadap alam sekitar. Syarikat ini bukan sahaja menjadi penganjur anugerah ini, tetapi juga telah menjadikan Sungai Junjung Mati sebagai anak angkat bagi rawatan air sungai. Pekerja-pekerja Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. dan pelajar SMK Taman Perwira telah berkerjasama menghasilkan bebola tanah bagi rawatan air sungai. Selain daripada itu, Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. juga menyumbang tenaga bagi khidmat komuniti dan mengamalkan pengasingan sisa organik bagi tujuan pengkomposan serta tidak menggunakan straw di kantin. Ini merupakan satu teladan yang baik bagi industri yang lain. Saya berharap kerjasama dan penajaan ini akan berterusan untuk tahun hadapan dan seterusnya. Saya juga menyeru agar lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MBSP dalam menjayakan program-program seumpama ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil komuniti yang akan mengambil bahagian program Anugerah Komuniti Mampan 2020 serta tuan-tuan dan puan-puan dalam bersama-sama memeriahkan majlis kita pada petang ini.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Post COVID-19 akan membawa berbagai-bagai pembaharuan dalam kehidupan manusia. MBSP akan memberi penekanan kepada *circular economy* untuk meningkatkan ekonomi keluarga, di desa dan di kota. *Road Map* ke arah ekonomi sirkular sedang disediakan dan dijangka akan dilancarkan pada Disember 2020. *Circular Economy* (Ekonomi Sirkular) mempunyai potensi yang luas dan menjadi alternatif kepada *linear business model* yang diamalkan sekarang.

Pulau Pinang dan Seberang Perai hendak segera merangkul peluang ini. *Circular Economy* membawa kepada penghasilan dan penggunaan mampan ke arah pembentukan Bandaraya Seberang Perai menjadi Bandar Raya Rendah Karbon pada tahun 2022, Bandar Raya *Carbon Neutral* pada tahun 2030, dan Bandar Raya *Zero Carbon* (sifar karbon) pada tahun 2050.

Justeru, saya menyeru Persatuan Penduduk (PP) yang berdaftar, Rukun Tetangga (RT), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), *Joint*

Management Body (JMB), Management Corporation (MC), Pusat Sumber Alam Sekitar di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai, dan masjid-masjid memainkan peranan melalui Program Anugerah Komuniti Mampan untuk menggerakkan *circular economy* desa dalam pengurusan *food waste* dan *food security*.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Penyertaan komuniti dalam Program Anugerah Komuniti Mampan adalah amat menggalakkan kerana didapati ada peningkatan dari tahun ke tahun. Dari 12 penyertaan pada tahun 2013, bilangan komuniti yang menyertai anugerah ini telah bertambah dari tahun ke tahun, iaitu 15 penyertaan pada tahun 2014, 18 penyertaan pada tahun 2015, 21 penyertaan pada tahun 2016/17 dan 22 penyertaan pada tahun 2018/19. Pada tahun ini MBSP mensasarkan penyertaan 25 kumpulan atau komuniti.

Penyertaan dalam Program Anugerah Komuniti Mampan 2020 adalah terbuka kepada semua Persatuan Penduduk (PP) yang berdaftar, Rukun Tetangga (RT), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), *Joint*

Management Body (JMB), *Management Corporation* (MC) dan Pusat Sumber Alam Sekitar di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Dalam anugerah ini, antara contoh aktiviti-aktiviti inisiatif komuniti mampan yang boleh dijalankan ke arah komuniti mampan adalah:-

- i. Kitar semula
- ii. Pengasingan Sisa di Punca
- iii. Kompos sisa organik
- iv. Membuat jus buah-buahan tertapai
- v. Penanaman pokok
- vi. Pengindahan
- vii. Kebersihan taman
- viii. Kebun kejiranan
- ix. Kempen kesedaran alam sekitar dan program sosial
- x. Gotong-royong.
- xi. Program pengurangan jejak karbon
- xii. Promosi 8R (*Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle*)

Ciri-ciri utama yang diambil kira adalah pelaksanaan pengumpulan sisa organik untuk pengkomposan, aktiviti kitar semula, aktiviti kebun

kejiranan, mengadakan gotong royong kebersihan, landskap kawasan, kegiatan *upcycle* dan aktiviti-aktiviti yang meningkatkan jalinan perhubungan dan silaturrahim penduduk setempat. Skema pemarkahan yang digunapakai adalah:-

- i. Perancangan dan pengurusan [10 markah] - Menyatakan iltizam, objektif, visi, misi, carta organisasi, strategi pelan pelaksanaan, bajet, jaringan dengan pihak berkepentingan, sistem pemantauan dan sistem pelaporan.

- ii. Amalan sisa sifar [40 markah] - Mewujudkan program 8R, pengurusan sisa organik, pengurusan minyak masak terpakai, penghasilan bahan pembersih organik (jus sisa buah-buahan tertapai).

- iii. Kebersihan dan penghijauan [20 markah] - Menjaga kebersihan kawasan, penghijauan (landskap taman, bilangan pokok ditanam).

- iv. Penglibatan komuniti [20 markah] - Mempunyai kumpulan sasar dan mempunyai bilangan penyertaan, melibatkan integrasi sosial dan mewujudkan kejiranan selamat.

- v. Program pengurangan jejak karbon [10 markah] Mengadakan aktiviti kesedaran pengurangan karbon, menjalankan program komuniti bebas karbon dan program penjagaan dan penanaman pokok.

Proses pendaftaran penyertaan dan penghantaran laporan akan dibuka sehingga 31 November 2020 di mana kumpulan atau komuniti yang berminat hendaklah mengemukakan profil organisasi, inisiatif komuniti ke arah kemampanan, kemajuan dan perakuan. Manakala penilaian dan penyampaian hadiah akan dilaksanakan pada bulan Disember 2020. Bagi pihak yang berminat untuk menyertai Anugerah Komuniti Mampan ini, bolehlah menghubungi kakitangan di Unit Eko Komuniti, Jabatan Kemasyarakatan di talian 04-5497487 atau emel kepada kemasyarakatan@mbasp.gov.my untuk mendapatkan borang penyertaan. Hadiah yang disediakan bagi pemenang Anugerah Komuniti Mampan adalah berupa wang tunai dan sijil penghargaan:-

Johan	: RM3,000.00 + Sijil Penghargaan
Naib Johan	: RM2,500.00 + Sijil Penghargaan
Ketiga	: RM2,000.00 + Sijil Penghargaan
Keempat	: RM1,000.00 + Sijil Penghargaan
14 HadiahSaguhati	: RM500.00 + Sijil Penghargaan

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

MBSP amat-amat mengharapkan Program Anugerah Komuniti Mampan dapat mencapai sasaran *Seberang Perai Corporate Priorities* di mana warga Seberang Perai memahami sepenuhnya konsep 8R yang dibawakan oleh MBSP, mampu mengendalikan dan mempraktikkan kompos daripada sisa makanan di rumah, membantu Seberang Perai mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% menjelang tahun 2022 dan akhir sekali mewujudkan komuniti rendah karbon dalam menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon 2022 dan Bandaraya Neutral Karbon menjelang 2030. Sokongan para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai amat-amat dihargai dalam usaha membantu MBSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MBSP iaitu **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow”**.

Saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta Anugerah Komuniti Mampan 2020. Semoga usaha ini akan

memberikan manfaat berterusan kepada komuniti dan persatuan masyarakat dan berharap agar segala usaha yang dilaksanakan akan terus diamalkan. Juga saya ingin ucapan Syabas dan Tahniah kepada pemenang yang akan memenangi pertandingan ini.

Terima kasih sekali lagi kepada Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan program ini. Kepada komuniti-komuniti yang mengambil bahagian dalam Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2020 saya mengharapkan kesungguhan dan mendoakan kejayaan.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2020.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih.